

Anggota diserap dalam ATM

Timbualan Setia

B.H 14 AUG 1993



Oleh Othman Mamat, Jamhariah Jaafar dan Ahmad Zaini Kamaruzzaman

ALOR STAR, Jumaat — Anggota pasukan Timbualan Setia Negeri (TSN) yang dibubarkan mungkin diserapkan ke dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, langkah berkenaan adalah salah satu daripada cadangan Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Johor ketika mengemukakan cadangan membubarkan TSN.

"Kerajaan ada mengemukakan cadangan kepada Johor supaya pasukan itu dibubarkan tetapi ia bergantung kepada kerjasama kerajaan negeri.

"Antara cadangan yang dikemukakan ialah kemungkinan pasukan itu disatukan dengan angkatan tentera, dihentikan atau pencen," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, di sini hari ini.

Di JOHOR BAHRU: Menteri Besar, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata keputusan untuk membubarkan pasukan tentera TSN yang berkhidmat kepada Sultan Johor itu dicapai sebulat suara dalam mesyuarat Exco negeri, bulan lalu.

"Exco membuat keputusan itu selepas menerima kertas cadangan daripada Kabinet berhubung kedudukan TSN, satu-satunya institusi ketenteraan tunggal peringkat negeri yang masih wujud di negara ini," katanya.

Bercakap kepada pemberita selepas majlis meraikan perkhidmatannya selama tujuh tahun sebagai Menteri Besar di RTM Johor Bahru di sini hari ini, Muhyiddin berkata:

"Kita menerima kertas cadangan daripada Kabinet lebih sebulan lalu dan selepas mengkajinya, mesyuarat Exco bersetuju memperakukan supaya TSN dibubarkan."

Menurutnya, perakuan kerajaan negeri berhubung pembubaran pasukan itu sudah dimaklumkan kepada Kabinet yang akan mengambil tindakan seterusnya kerana ia membabitkan undang-undang Persekutuan dan Perlembagaan negara.

Muhyiddin berkata, pembubaran institusi ketenteraan yang berusia lebih seabad itu perlu diputuskan secara muktamad oleh Kerajaan Persekutuan kerana ia membabitkan soal keselamatan.

"Tetapi dalam masa yang sama, kerajaan negeri juga perlu membuat keputusan kerana penubuhan TSN tertakluk kepada Undang-Undang Tubuh Negeri Johor yang ada sekarang," katanya.

Beliau berkata, selepas menerima keputusan rasmi Kabinet, kerajaan negeri akan mengemukakannya secara rasmi kepada Sultan Johor.

"Selepas itu, kita akan membawa undang-undang membabitkan kewujudan TSN untuk dibentangkan semula di Dewan Undangan Negeri (DUN) selewat-lewatnya pada sidang terakhir tahun ini (Disember) supaya ia dimansuhkan secara fizikal," katanya.

Menteri Besar berkata, kerajaan negeri turut mengemukakan beberapa cadangan lain kepada Kabinet termasuk soal penyerapan kira-kira 100 anggota TSN ke dalam ATM.

"Kita juga mencadangkan pilihan bagi anggota yang ingin bersara dan mereka akan dibayar ganjaran bersara," katanya.

Muhyiddin berkata, antara perkara lain yang perlu diteliti ialah pengambilalihan soal keselamatan istana oleh ATM dan polis.

"Ini bermakna selepas pembubaran TSN kelak, kedudukan istana Johor adalah sama seperti negeri lain, iaitu soal keselamatan istana dibuat oleh ATM atau polis," katanya.

Menjawab soalan, Muhyiddin tidak menolak kemungkinan ada pihak akan membantah mengenai pembubaran itu.

"Dalam perkara ini, kita bukan hanya melihat soal sejarah. Kita berpendapat dalam keadaan sekarang tugas seperti ini perlu dibuat oleh ATM. Walaupun TSN adalah warisan, ia dilaksanakan sebelum kita memiliki pasukan tentera," katanya.

bubar